

PROSEDUR PERMOHONAN PEMBERITAHUAN SUKARELA HAK CIPTA

*Setiap pemberitahuan hak cipta hendaklah dibuat oleh warganegara atau pemastautin tetap Malaysia.

*Pemohon warganegara asing, wajib melantik wakil.

*Sila sediakan satu set salinan simpanan pemohon dan satu set salinan asal dikemukakan untuk pendaftaran di MyIPO.

1. Pemberitahuan Hak Cipta oleh pencipta/pemunya/pemegang lesen perlu kemukakan perkara 1.1 – 1.5 di bawah:

- 1.1 Borang **CR-1** (Karya Asal) ATAU Borang **CR-2** (Karya Terbitan)
 - a. Alamat pencipta karya adalah pilihan untuk diisi dan tidak wajib.
 - b. Maklumat pemunya karya dan maklumat individu untuk dihubungi WAJIB diisi lengkap.
 - c. Borang CR-1 / CR-2 yang telah lengkap diisi pastilah ditandatangani dan dibuat salinan imbas dalam format pdf.
 - d. Borang CR-1 / CR-2 yang telah lengkap diisi dalam format editable pdf hendaklah dikemukakan kepada MyIPO dalam bentuk softcopy bersama-sama item (c) yang telah imbas.

- 1.2 Akuan Berkanun
 - a. Menyatakan pemohon ialah pencipta karya/ pemunya hakcipta karya/ pemegang serah hak hak cipta/ pemegang lesen;
 - b. Tajuk karya yang disertakan dalam Akuan Berkanun;
 - c. Ditandatangani dan diakui di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret, Pesuruhjaya Sumpah atau notari awam; dan
 - d. Akuan Berkanun ini juga hendaklah dibuat salinan imbas dalam format pdf.

*Pemohon digalakkan menggunakan Akuan Berkanun yang dicadangkan agar memudahkan proses Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta dibuat

- 1.3 Salinan karya
 - a. Disarankan agar Karya dihantar dalam format softcopy / digital bagi mempercepatkan proses pemfailan.

*Saiz karya yang melebihi 100MB dan karya yang mempunyai lebih dari satu fail perlu didaftarkan di kaunter secara manual.

- 1.4 Borang CR-5
 - a. Borang CR-5 yang telah lengkap diisi pastilah ditandatangani dan dibuat salinan imbas dalam format pdf.
 - b. Borang CR-5 yang telah lengkap diisi dalam format editable pdf hendaklah dikemukakan kepada MyIPO dalam bentuk softcopy bersama-sama item (a) yang telah imbas.

- 1.5 Bayaran Fi.

2. Dokumen Notari Awam dari Luar Negara diterima tetapi perlu mengandungi maklumat di para 1.2 di atas.

3. Borang CR-3 diisi hanya jika pencipta/pemunya/pemegang lesen ingin melantik wakil bagi mewakili beliau dalam memfailkan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta. Borang CR-3 boleh dikemukakan oleh ejen Harta Intelek, individu mewakili bukan warganegara, bukan warganegara tetapi beralamat di Malaysia, individu yang mewakili pemohon. Borang CR-3 tidak terpakai kepada *dispatch/runner* dan pekerja yang mewakili syarikat pemohon.

4. Karya dikategorikan kepada:

KARYA ASAL (CR-1)	KARYA TERBITAN
A. Sastera	A. Terjemahan
B. Muzik	B. Penyesuaian, susunan dan perubahan lain karya-karya yang layak bagi hakcipta
C. Seni	C. Koleksi karya-karya atau pengumpulan data
D. Filem	
E. Rakaman Bunyi	
F. Siaran	

*(untuk maklumat lanjut berkaitan kategori karya, sila rujuk Kategori Karya Hak Cipta)

5. Contoh pendaftaran bagi karya yang melebihi dari satu adalah seperti berikut:

BIL	KARYA	KATEGORI KARYA	CONTOH
A.	Satu karya	seni (CR1)	- Gambar KLCC
B.	Banyak karya yang berkaitan antara satu sama lain	seni (CR1)	- Gambar KLCC dan bangunan - Gambar KLCC dan muzium - Gambar KLCC dan tugu negara - Gambar KLCC dan dataran pahlawan
C.	Banyak karya yang tidak berkaitan antara satu sama lain	Koleksi/kompilasi (CR2)	- Gambar KLCC - Gambar Epal

6. Format karya yang diterima adalah:

KARYA ASAL	FORMAT
SASTERA	PDF, ZIP (PROGRAM KOMPUTER)
SENI	PDF/GIF/JPEG/PNG
MUZIK	MP3/WMV/PDF (NOTA MUZIK)
FILEM	AVI/MPEG/MOV/MP4
RAKAMAN BUNYI	MP3/WMV
SIARAN	SD / HD
KARYA TERBITAN	BERGANTUNG KEPADA FORMAT SEPERTI DI ATAS
Disarankan agar Karya dihantar dalam format softcopy / digital bagi mempercepatkan proses pemfailan.	

7. Contoh perkiraan fi adalah seperti berikut:

	A	B	C
BORANG CR-1/CR-2	CR-1=RM15	CR-2=RM30	CR-1=RM15
BORANG CR-5	CR-5=RM50	CR-5=RM50	CR-5=RM50
DEPOSIT KARYA	CD=RM30	MUKASURAT(30M/S)=RM10+RM20	Thumbdrive (700MB)=RM20+RM30
JUMLAH	RM95	RM110	RM115

* Deposit karya yang dikemukakan tidak akan dikembalikan semula.

8. Permintaan untuk meminda pemberitahuan hak cipta (CR-4) adalah seperti di bawah:

DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN
A. Meminda kesilapan perkeranian (I miss you, Pindaan : I miss you)	A. Pindaan pada penyusunan semula (I love you, Pindaan : You love me)
B. Meminda kesilapan ejaan pada nama pencipta/pemunya/pelesen	B. Pindaan pada pengurangan perkataan (I love you, Pindaan : I love)
C. Pertambahan nama pemunya	C. Pindaan pada pertambahan perkataan (I love you, Pindaan : I love you more)
D. Pengguguran nama pemunya	D. Pindaan maklumat pada borang dan akuan berkanun secara menyeluruh
E. Permohonan meminda maklumat pencipta/pemunya/pelesen/ Individu untuk dihubungi <ul style="list-style-type: none"> - Pertukaran alamat pemunya - Pertukaran alamat pencipta - Pertukaran alamat pelesen - Pertukaran maklumat Individu untuk dihubungi - Pertukaran alamat Individu untuk dihubungi 	E. Perubahan kandungan karya
	F. Pertambahan nama pencipta
	G. Pengguguran nama pencipta

*(CR-4) hanya boleh dibuat **sebelum** Notis Pemberitahuan Hak Cipta dikeluarkan

*Apa-apa pindaan yang tidak menjejaskan maklumat dalam Akuan Berkanun yang telah dikemukakan. Jika terdapat pindaan pada maklumat yang menjejaskan Akuan Berkanun yang telah dikemukakan, Akuan Berkanun yang baru perlu dikemukakan bersama-sama CR-4.

9. Bagi permohonan salinan sijil (CR-5) melalui online, boleh dibuat melalui pautan CR-9 di sistem.

10. Permintaan untuk membetulkan kesilapan perkeranian (CR-6) boleh dikemukakan bagi permintaan di bawah:

CONTOH DIBENARKAN	CONTOH TIDAK DIBENARKAN
A. Meminda kesilapan perkeranian (I miss you, Pindaan : I miss you)	A. Pindaan pada penyusunan semula (I love you, Pindaan : You love me)
B. Meminda kesilapan ejaan pada nama pencipta/pemunya/pelesen	B. Pindaan pada pengurangan perkataan (I love you, Pindaan : I love)
	C. Pindaan pada pertambahan perkataan (I love you, Pindaan : I love you more)
	D. Pindaan maklumat pada borang dan akuan berkanun secara menyeluruh
	E. Penambahan nama pencipta dan pemunya
	F. Pengguguran nama pencipta
	G. Perubahan kandungan karya

11. Borang **CR-7** boleh dikemukakan bagi pembetulan, pemadaman atau pindaan pada permohonan hanya atas arahan Mahkamah. Hanya dokumen Perintah Mahkamah diperlukan. Sebarang perubahan berkaitan pemunya dan/atau pencipta yang telah mendapat Perintah Mahkamah boleh diubah di dalam sistem.

12. Borang permintaan petikan (CR-9) boleh dikemukakan bagi permintaan di bawah:

PETIKAN DIPERAKUI SAH	PETIKAN TIDAK DIPERAKUI SAH
A. Boleh dibuat oleh pencipta, pemunya, pemegang lesen dan sesiapa sahaja.	A. Boleh dibuat oleh pencipta, pemunya, pemegang lesen sahaja .
B. Kes melibatkan litigasi, pihak <i>defendant</i> hendaklah mendapatkan Perintah Mahkamah.	
C. Permohonan dari orang awam perlu dapatkan surat persetujuan dari pemunya.	

* Permohonan secara elektronik yang melebihi saiz 4.3GB perlu kemukakan pemacu kilat USB/Cakera Keras Luaran/Kad SD sendiri.

13. Borang CR-10 dikemukakan bagi tujuan pemberitahuan pertukaran alamat dengan syarat-syarat:

13.1 Satu borang CR-10 mewakili satu alamat sahaja.

13.2 Pertukaran alamat yang melibatkan maklumat di dalam akaun berkanun perlu kemukakan borang CR-10 dan Akaun Berkanun baharu.

13.3 Pertukaran hanya pada alamat pencipta, pemunya, pemegang lesen, pemegang serah hak dan maklumat individu untuk dihubungi (*contact person*).

14. Dokumen yang diperlukan bagi pemberitahuan penyerahhakan, lesen atau pemberian wasiat (CR-11) adalah:

PENYERAHHAKAN	Deed of Assignment
LESEN	Perjanjian Lesen
PEMBERIAN WASIAT	Surat Wasiat, Surat Kuasa

15. Permohonan bagi CR-6 sehingga CR-11 hanya boleh dibuat selepas Notis Pemberitahuan hak Cipta dikeluarkan.

16. Bayaran melalui cek/wang pos/bank draf, hendaklah dibuat atas nama "**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**".

17. Pembayaran menggunakan pesanan tempatan, perlu kemukakan borang CR-1/CR-2, CR-5, Akaun Berkanun dan karya yang lengkap kepada Bahagian Hakcipta untuk semakan sebelum Sebut Harga dapat dikeluarkan.

18. Sebarang pertanyaan boleh emel ke infocopyright@myipo.gov.my atau diajukan kepada Puan Nurayuzee (03-2299 8918), Puan Masitqah (03-2299 8917) dan Puan Nur Izza Shazni (03-2299 8916).

19. Permohonan melalui pos hendaklah dialamatkan kepada:

**BAHAGIAN HAK CIPTA,
PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA,
TINGKAT 18, TOWER B,
MENARA UOA BANGSAR,
NO.5, JALAN BANGSAR UTAMA 1,
59000 KUALA LUMPUR.**